

# PENJANAAN KEMAHIRAN INSANIAH MELALUI PENGAMALAN HISBAH (Generating Soft Skills Through Practice of Hisbah)

Siti Haswa Niza Abdullah & Zakiah Hassan

Submitted: 29-Apr-2024  
Accepted: 5-Mei-2024  
Revised: 26-Jun-2024  
Published: 30-Jun-2024

Fakulti Pendidikan  
Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [haswa@uis.edu.my](mailto:haswa@uis.edu.my),

## Abstrak

Kertas konsep ini membincangkan kefahaman kemahiran insaniah boleh dijana melalui pengamalan hisbah yang diamalkan mahasiswa semasa proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang berada di Institut Pengajian Tinggi Islam. Kemahiran Insaniah meliputi kemahiran komunikasi, kemahiran penyelesaian masalah dan berfikir kritis, kemahiran bekerjasama, kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran keusahawanan, kemahiran beretika professional dan kemahiran kepimpinan. Hisbah pula melibatkan proses pengawalan sendiri dan sosial terhadap pematuhan segala perintah Allah iaitu *Amar Makruf Nahi Mungkar*. Amalan hisbah merangkumi tiga aspek iaitu akidah (elemen *musyaratah*), syariah (elemen *muraqabah dan muhasabat*), dan akhlak (elemen *mu'aqabah, mujahadah dan mu'atabah*). Hubungan antara elemen-elemen dalam amalan hisbah mampu mempengaruhi penghayatan kemahiran insaniah mahasiswa dalam menonjolkan personaliti, sikap, dan tingkah laku yang lebih dihayati. Implikasi perbincangan mendapati kepentingan pendedahan lebih komprehensif terhadap isu pengawalan sendiri *Amar Makruf Nahi Mungkar* adalah harus dilaksanakan supaya mahasiswa yang dilahirkan lebih berkeyakinan selaras kehendak industri semasa yang memerlukan individu lengkap dengan pengetahuan teori, teknikal dan berkemahiran insaniah yang berkualiti.

**Kata Kunci:** Kemahiran Insaniah, Amalan Hisbah, Mahasiswa, Institut Pengajian Tinggi Islam

## Abstract

This concept paper to discuss the understanding of soft skills that can be generated through the practice of hisbah that students practice during the teaching and learning process while at the Institute of Islamic Higher Studies. Soft skills include communication skills, problem-solving skills and critical thinking, collaboration skills, information management skills and lifelong learning, entrepreneurial skills, professional ethical skills and leadership skills. Hisbah, on the other hand, involves the process of self-regulation and social control of compliance with all of God's commands, which is *Amar Makruf Nahi Mungkar*. The practice of hisbah includes three aspects, namely Aqidah (elements of *musharatah*), syariah (elements of *muraqabah and muhasabat*), and akhlaq (elements of *mu'aqabah, mujahadah and mu'atabah*). The relationship between the elements in the practice of hisbah can influence the appreciation of the students' soft skills by highlighting the personality, attitude, and behavior that is more appreciated. The discussion implied that the importance of more comprehensive exposure to the self-regulation issue of *Amar Makruf Nahi Mungkar* should be implemented so that students who are born are more confident in line with the requirements of the current industry that requires individuals complete with theoretical, technical and quality soft skills.

**Keywords:** soft skills, hisbah, student, Ministry of Higher Education

## 1.0 PENGENALAN

Pengamalan hisbah dalam kalangan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Islam dapat dikaitkan dengan pengukuhan kemahiran insaniah kerana peranan hisbah amatlah signifikan dalam memelihara nilai-nilai insaniah yang murni dalam setiap individu seperti dapat mendidik hati dan akal supaya tunduk dan menerima kebenaran dan mampu melaksanakan segala syariat yang di pertanggungjawabkan dalam Islam (Ros Arniza, Mohd Isa, Khadijah, 2021). Ia berikutan hisbah dalam Islam adalah satu sistem pengawasan terhadap pematuhan perintah Allah SWT yang didasari oleh prinsip *Al-Amru bil Makruf wa Nahyu anil Mungkar*.

Isu berikutan Institut Pengajian Tinggi Islam berhadapan dengan cabaran-cabaran tentang alumni pengajian Islam yang tidak proaktif yang dianggap oleh media Barat sebagai seorang penghafal kandungan ilmu kitab yang baik, lebih pandai bercakap dan berkhotbah serta tidak tahu bertindak sebagai perancang dan pengurus yang baik. Walhal, peranan Institusi Pengajian Tinggi Islam dengan pelbagai kaedah atau strategi yang mampu melahirkan graduan yang bukan sahaja berilmu malah dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan teori dan teknikal selaras ilmu keagamaan seharusnya dapat membentuk seorang pekerja yang cekap dan berkebolehan tinggi dalam pelbagai tugas.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Perubahan cara hidup yang berlaku pada hari ini membuatkan ramai pihak membincangkan tentang Revolusi Industri 4.0 (RI4.0). Perkembangan teknologi yang berlaku sering memberi impak besar kepada perubahan budaya, nilai, agama, cara hidup, dan cara berfikir dalam semua aspek kehidupan (Mashitoh et al., 2021). Dilengkapi pula dengan kemudahan akses digital, maka akhlak, sikap dan perilaku masyarakat juga berubah. Seinggakan terbentuk sikap yang terlalu memandang tinggi terhadap ilmu-ilmu sains, ekonomi, pengurusan IT dan teknologi sehingga memisahkan ideologi ilmu-ilmu keagamaan dengan sains sosial yang dianggap kurang penting dalam kehidupan (Mashitoh et al., 2021). Pandangan negatif ini berpunca dari sikap individu yang mengasingkan kefahaman nilai, etika dan moral Islam dalam kehidupan harian. Dari perspektif sosiologi, dalam kehidupan manusia melibatkan aspek ekonomi, masyarakat, politik, keadaan psikologi dan emosi, kehidupan kekeluargaan dan banyak lagi, namun, ilmu agama merupakan salah satu aspek yang sangat berpengaruh dalam kehidupan manusia (Mashitah et al., 2011). Sepertimana yang dinyatakan oleh Bennabi dalam bukunya *Milad* (1987, dlm Usman Syihab & Syarif, 2009), keperluan membangunkan peradaban Islam adalah berasaskan pada kebudayaan dan nilai-nilai yang bersesuaian dengan ajaran-ajaran Islam kerana, perubahan yang besar dalam asasi kehidupan manusia terjadi ketika adanya pemikiran agama. Justeru, pengamalan konsep hisbah tu sangat penting kerana konsep hisbah mengutamakan prinsip amanah dan tanggungjawab dalam setiap urusan manusia dalam kehidupan.

Lantaran itu, jika dinilai dalam konteks Institusi Pengajian Tinggi Islam kini, terdapat beberapa isu telah timbul mengenai prestasi mahasiswa dalam pembelajaran, masalah moral, masalah kemahiran keinsanan rentas jantina dan perkaitannya dengan perasaan kekitaan yang tinggi (Siti Kausar & Mohd Noor, 2020; Muslihah et. al., 2021; Muslihah et. al., 2023). Graduan khususnya dalam bidang pengajian Islam seharusnya menyiapkan diri mereka dengan menyelaraskan kefahaman ilmu agama dengan amalan kemahiran insaniah yang diperlukan masa kini bagi membolehkan mereka mendapat tempat bukan sahaja dalam masyarakat

yang mempunyai pelbagai idealisme dan falsafah kesan daripada globalisasi bahkan dalam bidang kerjaya yang sesuai dengan bidang yang dipelajari.

Menerusi Pendidikan dalam IPT Islam terdapat tiga peranan penting yang telah disumbangkan iaitu: i. Melahirkan pelajar yang seimbang dari segi hati, roh dan akal bagi memenuhi tujuan pengabdian kepada Allah. ii. Melahirkan tenaga kerja dan intelektual ummah yang mampu berkhidmat kepada masyarakat secara berkesan dan berhemah mengikut bidang kemahiran tertentu. iii. Melahirkan golongan ilmuwan dan sarjana yang boleh membangun dan memperkembangkan sesuatu disiplin keilmuan Islam moden (Rahazimah & Abdul Razaq, 2018).

Ini menjelaskan graduan dari IPT Islam perlu menjiwai konsep Hisbah yang meliputi aspek akidah, syariat dan akhlak dalam kehidupan. Sifat-sifat ini harus dijiwai dalam diri setiap mahasiswa dan secara langsung dapat mengukuhkan kemahiran insaniah bagi membentuk kesediaan serta kemampuan dalam menerajui masyarakat dalam era revolusi industri 4.0 ini.

Oleh yang demikian, kertas kerja ini membincangkan mengenai bagaimana penjanaan elemen-elemen kemahiran insaniah melalui pengamalan hisbah oleh mahasiswa di institusi pengajian tinggi Islam. Secara keseluruhannya, perbincangan dalam kertas kerja ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertama membincangkan pengertian elemen kemahiran insaniah dan konsep hisbah yang diterapkan kepada mahasiswa. Kedua membincangkan mengenai keperluan amalan hisbah dalam meningkatkan elemen-elemen kemahiran insaniah mahasiswa.

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Pengumpulan data serta maklumat bagi perbincangan ini adalah dengan kaedah kajian perpustakaan iaitu melalui *library research* (sorotan literatur) yang melibatkan analisis dari penulisan jurnal dan kajian-kajian yang berkaitan dengan isu Hisbah dan Kemahiran insaniah mahasiswa di IPT Islam. Kaedah penganalisisan data merupakan proses merumuskan, menghuraikan dan menjelaskan data kandungan. Membuat huraian terhadap mesej komunikasi sama ada yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan merupakan bentuk analisis kandungan dijalankan (Dr. Amir Hamzah, 2020). Oleh itu, data dalam perbincangan kertas kerja ini dianalisis serta dikembangkan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada buku-buku, jurnal kajian-kajian lepas, kertas kerja dan sebagainya. Kepelbagaian sumber data ini digunakan bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat berkaitan amalan hisbah dan elemen kemahiran insaniah mahasiswa.

### **4.0 ELEMEN KEMAHIRAN INSANIAH (KI)**

Definisi istilah kemahiran insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan (KPTM, 2006; Nik Safiah, 2010; Muhammad Syakir & Noor Azean, 2014). Justeru, kemahiran insaniah yang akan dibincangkan merujuk kepada kemahiran-kemahiran yang seharusnya dimiliki oleh setiap graduan sebagai persediaan menempuhi alam kerjaya agar dapat bersaing dalam gelombang RI4.0. Setiap elemen kemahiran insaniah telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dapat dinyatakan seperti berikut:

#### **4.1 Kemahiran Berkomunikasi**

Mempunyai tiga tahap penguasaan iaitu tahap pertama kebolehan menyampaikan idea dengan jelas dan berkesan. Tahap kedua kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar aktif dan memberi maklumbalas. Tahap ketiga ialah kebolehan membuat pembentangan secara jelas yang bersesuaian dengan tahap pendengar.

#### 4.2 Kemahiran Penyelesaian Masalah Dan Berfikir Kritis

Melibatkan tiga tahap iaitu tahap pertama kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi yang kompleks dan kabur serta membuat penilaian justifikasi. Tahap kedua kebolehan dalam kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan. Tahap ketiga kebolehan mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif.

#### 4.3 Kemahiran Kerja Berpasukan

Melibatkan tiga tahap iaitu tahap pertama kebolehan membina hubungan baik, berinteraksi dan bekerja secara efektif bersama untuk mencapai objektif bersama. Tahap kedua memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dengan ahli kumpulan. Tahap ketiga kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.

#### 4.4 Kemahiran Pengurusan Maklumat Dan Pembelajaran Berterusan

Melibatkan dua tahap penguasaan iaitu tahap pertama kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber. Tahap kedua ialah kebolehan menerima idea baru dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi.

#### 4.5 Kemahiran Keusahawanan

Melibatkan tiga tahap penguasaan iaitu pertama kebolehan mengenal pasti peluang. Tahap kedua kebolehan merangka perancangan. Tahap ketiga kebolehan membina, meneroka dan merebut peluang.

#### 4.6 Kemahiran Etika Dan Moral Profesional

Merangkumi tiga tahap iaitu tahap pertama kebolehan memahami kesan ekonomi. Tahap kedua kebolehan memahami kesan alam sekitar dan tahap ketiga kebolehan memahami kesan sosiobudaya dalam amalan profesional.

#### 4.7 Kemahiran Kepimpinan

Melibatkan tiga tahap penguasaan iaitu tahap pertama pengetahuan tentang teori asas kepimpinan. Tahap kedua kebolehan untuk memimpin projek. Tahap ketiga kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dengan ahli pasukan.

Keseluruhan elemen KI ini termaktup dalam modul pelaksanaan kemahiran insaniah di IPT Islam yang telah menggariskan beberapa pendekatan pelaksanaannya iaitu melalui i) aktiviti formal dalam PdP, ii) pembangunan KI berasaskan program sokongan dan iii) pembangunan KI melalui aktiviti kehidupan di kampus (Siti Kausar et. al., 2017).

Pembangunan KI berasaskan program sokongan adalah aktiviti yang direka untuk menyokong dan menambah tahap penguasaan KI dalam kalangan pelajar secara langsung atau tidak langsung. Terdapat dua kategori program sokongan yang dilancarkan di IPT Islam iaitu program yang berfokuskan akademik dan bukan akademik. Program sokongan berfokus akademik ialah aktiviti untuk meningkatkan penguasaan KI yang berkaitan dengan hal ehwal akademik. Manakala, program sokongan berfokus bukan akademik ialah program yang membantu dalam membentuk sahsiah dan profesionalisme individu pelajar. Program ini juga dikenali sebagai aktiviti kokurikulum, kokurikulum tambahan ataupun persatuan. Bagi

pembangunan KI melalui aktiviti kehidupan kampus pula ia merupakan aktiviti yang dilaksanakan di persekitaran kampus. Ini berikutan kebanyakan pelajar akan menghabiskan sebahagian besar kehidupan mereka sebagai komuniti di kampus. Kebiasaannya pihak IPT Islam akan merangka aktiviti pelbagai yang juga berbentuk islamik yang boleh dilakukan oleh pelajar dan akan menyediakan kemudahan tertentu bagi mewujudkan persekitaran kampus yang mesra KI serta masih berlandaskan konsep islamik seperti aktiviti usrah, bersukan, riadah atau aktiviti kebudayaan yang masih dijaga tahap batasan pergaulan.

Menerusi kajian-kajian lepas juga telah membuktikan kecerdasan interpersonal seperti berkomunikasi, sikap, sahsiah, pengurusan konflik serta nilai individu terhadap orang lain adalah yang paling tinggi dapat memberi pengaruh kepada kemahiran insaniah mahasiswa (Siti Kausar & Mohd Noor, 2020; Nurul Haidah et. al., 2020; Muhammad Syakir & Noor Azean, 2014). Begitu juga dengan kecerdasan intrapersonal yang berkait dengan keyakinan diri, motivasi dan kesedaran emosi diri dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran, yakni mampu menjadi pelajar yang berjaya dan juga rakan baik kepada orang lain (Nurul Haidah et. al., 2020; Siti Kausar & Mohd Noor Daud, 2021) yang terbentuk daripada penghayatan kecerdasan interpersonal tadi.

Sepertimana yang dirumuskan dalam literatur kajian Nuriman (2018), perlakuan yang diperlihatkan oleh individu dapat mencerminkan keadaan dalamannya (jiwa). Kenyataan ini, sejajar dengan konsep Al-Ghazali (2003) yakni, jiwa manusia terdiri daripada roh, hati dan akal yang berfungsi saling berkait dan penyebab terselah tingkah laku individu manusia. Begitu juga yang dijelaskan dalam teori perkembangan kognitif Piaget (1960) dan teori pemprosesan maklumat Gagne (1965) yang menyatakan perubahan tingkah laku individu ialah hasil aktiviti pemprosesan maklumat dari dalam diri individu. Ini kerana, maklumat yang diterima oleh individu boleh diubah dan disusun semula sebagai bentuk proses mental dalaman. Oleh demikian, proses mental dalaman lebih banyak melibatkan akal dan emosi yang saling berinteraksi dengan persekitaran sosial yang diyakini mempengaruhi perlakuan individu tersebut.

## 5.0 ELEMEN KONSEP HISBAH

Perkataan hisbah membawa erti penelitian, mentadbir, melihat, mencegah dan menahan. Maksudnya seperti mencegah seseorang daripada melakukan kemungkaran atau seseorang yang melakukan kebaikan, kedua-duanya akan mendapat balasan daripada Allah SWT (Zaydan, 1984 *dIm*. Muslihah et. al., 2020; Muhammad Syahir et. al., 2016). Takrifan konsep hisbah dari sudut pandangan Islam adalah suatu sistem pengawasan diri dan pengawalan amalan diri dalam menegakkan *Amar Makruf Nahi Mungkar* sama ada terhadap individu, masyarakat, organisasi, agama atau Negara demi kebaikan dan keselamatan sejagat (Azrin Ibrahim & Afifi Farhana, 2018).

Oleh itu, amalan hisbah ini secara terminologi ialah satu tugas, perbuatan dan suruhan agama yang merangkumi konsep menyeru ke arah kebaikan seperti yang dituntut dalam Islam. Sepertimana, amalan hisbah itu sebagai pengawasan diri atau *muhasabat al-nafs* iaitu amalan memperhitungkan diri sendiri terhadap keinginan segala amalan yang dilakukan sepanjang hari dalam kehidupannya (Muslihah et. al., 2020). Bertitik tolak daripada keinginan tersebut akan melahirkan individu yang berdisiplin diri dan bertanggungjawab serta mampu berusaha membendung dirinya daripada melakukan kemungkaran dalam setiap tindakannya. Ini kerana, pengawasan diri dengan konsep hisbah bermula apabila wujud kesedaran intrapersonal melalui proses penghayatan dan penerapan amanah serta tahu

tanggungjawab yang dipikul itu sebagai ibadah yang sentiasa diberi perhatian di dunia dan di akhirat (Nuriman, 2018; Muhammad Syahir et. al., 2016).

Oleh yang demikian, pengamalan konsep hisbah bertujuan bagi membentuk mahasiswa agar lebih istiqomah dengan berakhlak mulia dan berfikiran positif yang dapat dilaksanakan menerusi tiga aspek iaitu akidah, syariah dan akhlak (Muslihah et. al. 2020; Mardzelah et. al. 2016). Dalam tiga aspek ini dapat diperincikan lagi kepada enam elemen konsep hisbah yang dijelaskan seperti berikut:

#### 5.1 *Musyaratah*

*Musyaratah* atau perjanjian hati bermaksud membuat pensyaratan melalui ikatan hati. Hati adalah pusat ingatan dan pemahaman yang mampu berinteraksi dengan akal untuk meraih kesejahteraan dan kemakmuran melalui kecerdasan intelektual, emosi, moral, spiritual dan agama.

#### 5.2 *Muraqabah*

*Muraqabah* atau pemerhatian tingkah laku melibatkan aktiviti diri dengan menyedari bahawa segala tingkah laku di bawah kekuasaan Allah SWT. *Muraqabah* bertujuan memastikan segala tingkah laku manusia adalah bermatlamatkan kepada Allah SWT.

#### 5.3 *Muhasabat*

*Muhasabat* atau muhasabah diri iaitu mengenali diri sendiri dengan kekurangan yang dimiliki. Tujuannya untuk mengenal had diri hingga mencapai jiwa yang tenang yakni jiwa yang memiliki keimanan dan ketenteraman dalam mengenal Allah SWT.

#### 5.4 *Mu'aqabah*

*Mu'aqabah* atau peneguhan rohani ialah penilaian hasil kerja yang dilakukan melalui proses penelitian terhadap kekurangan amalan-amalan yang telah dilakukan kerana kesilapan dan kesalahan yang dilakukan. Antara amalannya adalah berdoa, membaca Al-Quran, solat, puasa, zikir, dan sedekah.

#### 5.5 *Mujahadah*

*Mujahadah* atau penentang nafsu bermaksud berusaha bersungguh-sungguh melawan kehendak hawa nafsu. Istilah *mujahadah* berasal daripada perkataan jihad iaitu berusaha dengan sepenuh kesungguhannya, kekuatan dan kesanggupan pada jalan yang diyakini benar untuk tidak melakukan kejahatan.

#### 5.6 *Mu'atabah*

*Mu'atabah* atau pembersihan jiwa melibatkan elemen roh, *qalb*, akal dan *al-nafs* sebagai punca dalam membentuk niat kepada tingkah laku luaran dan perbuatan. Amalan *mu'atabah* dapat membuka hati manusia untuk menerima kebenaran dan hakikat ketuhanan dengan hidayah dan petunjuk Allah SWT.

Kesemua enam elemen konsep hisbah ini mempunyai sistem pengawasan dan pengawalan amalan diri yang tertentu, di mana elemen *musyaratah* selari dengan peneguhan aspek akidah dalam ilmu tauhid yang dipelajari bagi menyediakan individu berfikiran waras, takut untuk melakukan sebarang kemungkar secara terang atau sembunyi kerana diri menyakini bahawa Allah SWT sentiasa melihat akan perbuatan mereka. Pendekatan pendidikan akidah melalui al-Quran dan Hadith menjadikan manusia dengan pengalaman dan ilmu pengetahuan yang cukup agar dapat mengenali diri dan tugas serta mengetahui cara untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah. Pendekatan pendidikan akidah yang bersumberkan al-Quran dan hadith akan melahirkan manusia yang bertaqarrub kepada Allah. Boleh melahirkan individu yang baik beradab, menjadi modal insan, melahirkan insan soleh dan sentiasa membentuk segala tindakan mengikut kehendak Allah. Seluruh tindakan hidupnya dapat

menilai dan memperbaiki segala yang salah dan dapat menilai mana yang baik dan mana yang buruk.

Bagi elemen amalan *muraqabah* dan *muhasabat* dilihat selari dengan aspek syariat iaitu ilmu fekah yang menjelaskan bagaimana tuntutan individu mukmin berusaha mencari kejayaan di dunia dan di akhirat dengan cara yang diredhai Allah. Pendekatan Pendidikan syariat adalah daripada amalan sikap berhati-hati dengan perbuatan yang dilakukan, berwaspada dengan individu yang berakhlak buruk, menjauhi sifat sombong dan kedekut, memerhati tingkah laku baik manusia, menghasilkan niat yang ikhlas dalam melakukan kebaikan kerana Allah, amalkan perbuatan baik untuk mendapat pahala, mengingatkan diri untuk melakukan kebaikan, mengambil sesuatu keputusan berdasarkan kepada amalan yang disuruh oleh Allah, mengawal diri dengan keinginan untuk hidup mewah serta bangga dengan kekayaan dunia dan dapat menganalisis setiap amalan yang dilakukan sama ada mendatangkan pahala atau dosa. Amalan-amalan *muraqabah* tersebut membentuk komponen *muhasabat* yang bertujuan membentuk disiplin diri supaya sentiasa membuat penilaian diri dalam menentukan corak kehidupan yang lebih baik dan cemerlang.

Seterusnya, elemen *mu'aqabah*, *mujahadah* dan *mu'atabah* selari dengan ilmu tasawuf yang dapat membentuk aspek-aspek akhlak. Ia merangkumi sifat-sifat terkeji (mazmumah) yang ada dalam diri individu dan menyediakan kaedah menghapuskan serta menggantikannya dengan sifat terpuji (mahmudah). Ilmu tasawuf menyediakan manusia dengan sifat-sifat terpuji agar pembangunan diri individu dapat dilaksanakan dengan jujur, amanah dan berakhlak (Muslihah, et. al., 2020; Muslihah et. al., 2021). Pendekatan pendidikan akidah menjadi kekuatan dalaman dan menggerakkan peribadi seseorang mengikut acuan Islam seperti kesabaran dalam menerima segala ujian dan kebenaran berita yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW seterusnya dapat memberi kekuatan serta keyakinan akan kebenaran Islam dan kebahagiaan yang dibawa bersama dengan Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, pendekatan pendidikan akidah ini memberi kesan yang mendalam ke arah pembentukkan sahsiah pelajar kerana ia dapat menghalang individu dari ingin melakukan maksiat yang dilarang oleh agama.

Maka, aspek akidah, syariah dan akhlak yang diterapkan dalam elemen-elemen konsep hisbah ini menjadi kerangka utama dalam membentuk nilai-nilai intrapersonal yang dapat mengaspirasikan kecerdasan interpersonal, demi mencapai matlamat utama untuk menghasilkan mahasiswa yang memiliki sahsiah positif dengan amalan insaniah cemerlang (Nurlinda, et. al., 2021; Muslihah, et. al., 2020).

## **5.0 PENJANAAN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR MELALUI PENGAMALAN ELEMEN KONSEP HISBAH**

Penerapan nilai dan etika adalah perkara asas dalam penghayatan kehidupan manusia. Penghayatan dalam kehidupan manusia itu adalah suatu proses pembelajaran individu untuk memahami ajaran Islam dan berakhlak mulia. Jika dari aspek pelajar, penghayatan dalam kehidupan itu memerlukan individu tersebut mahir dalam mengawasi diri sendiri untuk bertingkah laku baik sehingga menjadi amalan yang sehati dalam dirinya yang boleh mempengaruhi sikap, adab dan akhlak mereka dalam komuniti.

Sejajar perbincangan dalam kajian Ruslan et. al. (2020), Mardzelah et. al. (2021), yang menerangkan bagaimana penerapan nilai dan etika adalah sebagai suatu usaha awal untuk proses kecerdasan intrapersonal dan dapat mengawal kecerdasan interpersonal yang boleh mempengaruhi akhlak, akidah dan ibadah pelajar. Ini kerana, menerusi amalan hisbah yakni yang membentuk kecerdasan

intrapersonal pelajar berupaya membentuk kemampuan diri pelajar itu untuk menilai diri sendiri dengan mengawasi emosi dan jiwa seterusnya boleh mempengaruhi perubahan sosial termasuk tingkah laku mereka sehingga membentuk kesedaran berakhlak dan penghayatan dalam kehidupan yang berteraskan kepada syariat Islam (Muslihah & Noor Azizah, 2023; Nuriman, 2018). Seterusnya, dapat menjana elemen kemahiran insaniah yang lebih banyak terbentuk dengan asas dan pengangan ajaran Islam yang dipraktikkan pelajar tersebut mampu meningkatkan keyakinan dirinya dalam komuniti.

Menerusi, enam elemen Hisbah yang dilakukan pelajar adalah usaha untuk mengetengahkan kebolehan pengawasan diri atau *muhasabat al-nafs* individu pelajar itu untuk mewujudkan kesedaran rasa amanah dan tanggungjawab yang dipikul sebagai satu ibadah. Dalam kajian Nurul Haidah et. al. (2020), ada merumuskan bahawa emosi perlu dijaga jika tidak dikawal akan selalu merugikan diri dan orang disekelilinginya termasuklah empati diri yang berperanan besar dalam memelihara hubungan dengan orang lain. Sejarar rumusan literatur kajian Nuriman (2018), setiap individu harus menjaga kecerdasan intrapersonal (jiwa, emosi) dalam memahami diri sendiri dengan Allah dan seterusnya dapat membentuk hubungan interpersonal (tingkah laku, tindakan) dalam komuniti dengan baik.

Sebagai contoh situasi, daripada dapatan kajian Khatijah, Nor Adina, dan Khairul Anuar, (2011), yang mengupas perbezaan individu pelajar yang hanya mendengar dalam kuliahnya dan mempraktikkan hafazan semata tanpa menggunakan daya fikirannya untuk memahami ilmu yang dipelajari dan juga tidak menggunakan kemahiran menulis kembali pandangan atau pendapat dalam pembelajarannya ia dianggap mempunyai rendah sikap tanggungjawab dan kurang pengawasan diri. Situasi ini dapat dikaitkan dengan rendah amalan *muraqabah* dan *muhasabat* yakni rendah tahap disiplin diri. Seterusnya akan membentuk pelajar itu sikap malas berfikir dan lemah dalam mengawal kecerdasan interpersonal. Jika berterusan, akan menjejaskan KI pelajar itu dari memiliki kemahiran berfikiran kritis, tiada sikap kerjasama dan amalan pembelajaran sepanjang hayat tidak dapat terbentuk serta tiada nilai-nilai sikap keusahawanaan.

Walhal, setiap individu manusia itu memerlukan amalan *muraqabah* dan *muhasabat* agar individu itu sentiasa memiliki kekuatan asas manusia seperti akal, hati, dan roh untuk melaksanakan pengawasan diri. Elemen kekuatan yang dianugerahkan kepada manusia perlu kepada proses pendidikan yang berterusan agar manusia menyedari tentang amanah dan tanggungjawab kepada diri dan orang disekelilingnya (Hasbullah et. al., 2020; Nurul Haidah et. al., 2020). Amalan konsep hisbah seperti elemen tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah menuntut kepada ilmu pengetahuan dan tingkah laku yang berteraskan kepada pengawasan keimanan diri yang diperkenalkan melalui akhlak Rasulullah SAW sebagai *role model* yang terbaik kepada seluruh makhluk terutamanya yang dikategorikan sebagai insan kamil yang soleh.

Selain itu, kemahiran dalam aspek kepimpinan juga memerlukan kualiti akidah, syariat dan akhlak yang tinggi untuk membentuk pemimpin yang berakhlak mulia, memiliki semangat juang yang mampan serta berobjektif. Kualiti dalam KI kepimpinan disamping kualiti pengawasan diri mampu menjana kemajuan bangsa (Siti Kausar et. al., 2017). Minda yang baik mampu melahirkan pemikiran yang berkualiti. Justeru kualiti dalaman dan intelektual wajar seiringan. Sekiranya hanya ditekankan aspek kekuatan keilmuan tanpa budaya fikir dan analisis, budaya faham dan memahami, kualiti akhlak, kualiti kepimpinan dan kemahiran pembangunan material akan pincanglah sesebuah daulah dan bangsa tersebut (Nurul Haidah et. al., 2020).

Begitu juga kaitannya dengan aspek budaya kerja cemerlang atau etos yang berupa motivasi diri dalam aktiviti pekerjaan perlunya wujud suatu KI seperti

pengurusan, kerja berpasukan, berhemah tinggi, serta berfikiran kritis. Maksud etos itu sendiri memberi pengertian sebagai peningkat nilai, semangat, kepercayaan dan idealisme yang membentuk budaya dan watak sesuatu bangsa. Etos kerja dalam Islam dijelaskan sebagai erti hidup yang merupakan suatu persaingan, kecemerlangan amal atau kerja (Khatijah et. al., 2011). Jika dilihat menerusi konsep Hisbah dalam aspek budaya kerja dikenali sebagai *Itqan*. *Itqan* merupakan suatu budaya kerja cemerlang yang dilakukan secara bersungguh-sungguh, istiqomah dan tekun bagi menghasilkan kerja yang berkualiti serta komitmen untuk mencapai kesempurnaan dan rasa tanggungjawab (Afifi Farhana & Azrin, 2020). Budaya kerja dengan konsep Hisbah atau *Itqan* seperti dinyatakan dalam kajian Hassan al-Banna Mohamed et. al (2011), adalah individu yang dapat melahirkan rasa yakin bahawa amanah dan tanggungjawab yang dilakukan akan diberi ganjaran samaada di dunia dan akhirat. Jadi, setiap tugas dilaksanakan terdorong kerana wujud motivasi dalaman dirinya yang berupa tanggungjawab untuk melaksanakan tugas sebagai hamba dan khalifah Allah. Begitu juga, bagi setiap pelajar memerlukan motivasi, ganjaran baik dan dorongan secukupnya untuk melaksanakan kerjanya dengan perasaan redha dan rasa tanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti, dan tugas dengan cemerlang.

Oleh demikian, penjanaan kemahiran insaniah ini berkaitan dengan aspek akidah, syariat dan akhlak yang menjadi teras utama dalam kemenjadian pelajar (Siti Kausar et. al., 2017). Hal ini kerana inti akidah, syariat dan akhlak memainkan peranan penting dalam membentuk unsur-unsur dalaman pelajar dan seterusnya unsur-unsur dalaman ini membentuk sikap dan sahsiah yang diterjemahkan melalui keyakinan diri terhadap nilai-nilai yang diyakini dan seterusnya mampu membentuk tabiat diri pelajar dalam hidupan harian.

Justeru, peranan hisbah amatlah signifikan dalam memelihara nilai-nilai insaniah dalam diri pelajar seperti dapat mendidik hati dan akal supaya tunduk dan menerima kebenaran serta mampu melaksanakan segala syariat yang telah dipertanggungjawabkan dalam Islam. Akal dan hati yang sejahtera akan memberi keseimbangan dengan amalan akhlak yang mahmudah secara istiqomah. (Ros Arniza, Mohd Isa, Khadijah, 2021; Mashitah et. al., 2011). Pembentukan Kemahiran insaniah (KI) yang diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di IPT Islam mampu memenuhi ruang lingkup peradaban Islam dan sekaligus membentuk dan membangunkan nilai insaniah yang berkualiti dalam segala aspek dengan berlandaskan enam elemen konsep Hisbah tersebut.

## 6.0 PERBINCANGAN

Tuntasnya KI itu wajar bersendikan al-Quran dan al-Hadith serta harus dihayati oleh semua pelajar. Ini berikutan amat penting untuk melihat pengaplikasian dan kelestarian KI dalam membangunkan aspek akidah, syariat dan akhlak pelajar yang dinamik serta profesional. Kemahiran insaniah ini bukan hanya berlegar di ruang lingkup pencapaian akademik pelajar, tetapi lebih jauh iaitu bagaimana pelajar itu dapat menyesuaikan diri dan kehidupannya selepas tamat pengajian formal di IPT Islam.

Sepertimana dalam kajian, Muslihah et. al., (2020) menjelaskan enam elemen hisbah yang diamalkan seperti *musyaratah*, *muraqabah*, *muhasabat*, *mu'aqabah*, *mujahadah* dan *mu'atabah* selari dengan ilmu fardhu ain yang meliputi ilmu tauhid (akidah), ilmu fekah (syariah) dan ilmu tasawuf (akhlak) mampu memberi kesan kepada pengukuhan tindakan kemahiran insaniah pelajar kerana hati dan akal yang sejahtera akan membentuk pengamalan personaliti, sikap dan tingkah laku mahmudah secara istiqomah. Elemen tauhid (akidah) akan membina hubungan

ketuhanan antara pelajar dengan tuhaninya ia merujuk kepada kepercayaan. Elemen fekah (syariat) terangkum syariat yang menjadi peraturan dan landasan kehidupan yang dapat membentuk kejiwaan nilai-nilai insaniah. Elemen tasawuf (akhlak) merupakan kemahiran yang dapat dilaksanakan dalam tindakan tingkah laku pelajar yang dipertontonkan dengan sahsiah yang baik. (Muslihah et. al., 2020; Hasbullah et. al., 2020).

Makanya, pendekatan pendidikan akidah, akhlak dan syariah melalui penghayatan al-Quran dan hadith sangat membantu dalam pembentukkan sahsiah pelajar. Ia menjadi tonggak kemajuan dan kebahagiaan untuk kehidupan di dunia dan di akhirat. Pendidikan ini sangat perlu diberi perhatian kepada pelajar sebagai membentuk jiwa kerohanian pelajar. Al-Quran dan hadith ini juga menjadikan sebagai satu usaha untuk membentuk dan membina manusia mengikut acuan yang dikehendaki secara sedar, terencana, sistematik, berkesinambungan, berpola dan berstruktur hingga dapat mencapai matlamat iaitu dapat menyempurnakan tiga aspek iaitu jasmani, akal dan akhlak dalam sudut pembangunan sahsiah dan kemasyarakatan. Justeru, penjanaan kemahiran insaniah melalui pengamalan hisbah penting agar pelajar menjiwai kemahiran intelektual beserta akhlak dan dapat diamalkan dalam kehidupan seharian dengan penuh istiqomah.

## 7.0 KESIMPULAN

Pendidikan Islam juga memastikan manusia sentiasa memiliki kekuatan asas manusia iaitu akal, hati, roh dan jasad. Elemen kekuatan yang dianugerahkan kepada manusia perlu kepada proses pendidikan yang berterusan agar manusia menyedari tentang amanah dan tanggung jawab sebagai hamba dan khalifah. Dari aspek objektif, pendidikan dalam Islam bertujuan mencipta manusia yang baik dalam erti kata memiliki akhlak dan akidah yang terpuji dan matlamatnya adalah untuk membangunkan modal insan yang seimbang dan membentuk serta membangunkan personaliti dan jati diri yang cemerlang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Implikasi perbincangan mendapati kepentingan pendedahan lebih komprehensif terhadap isu pengawalan sendiri *Amar Makruf Nahi Mungkar* adalah harus dilaksanakan supaya mahasiswa yang dilahirkan lebih berkeyakinan selaras kehendak industri semasa yang memerlukan individu lengkap dengan pengetahuan teori, teknikal dan berkemahiran insaniah yang berkualiti serta tidak mudah terhakis walaupun pembelajaran berlaku secara fizikal mahupun secara digital.

## 8.0 RUJUKAN

- Ahmad Fakhurrrazi M. Z., & Mohd Hisham A. R., (2019), Peranan Al-Lataif Al-Quraniyah Dalam Mendepani Cabaran Revolusi Industri 4.0. *Prosiding International Seminar on Islamic Studies 2019: Cabaran Pengajian Islam Dalam Era Revolusi Industri 4.0.*, 25-26 September 2019. 305-315.
- Al-Ghazali, & al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. (2004). *Ihya' 'ulum al-din*. Jilid 1-5. Qaherah : Dar al-Afaq al- 'Arabiyyah.
- Afifi Farhana Mhd Poad & Azrin Ibrahim. (2020). Peranan Hisbah Dalam Mengawal Psikologi Pelaku Pembangunan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 5(30). 86 – 93. eISSN: 0128-1755.
- Dr. Amir Hamzah, M.A. (2020). *Metode penelitian kepustakaan (library research): kajian filosofis, teoretis, aplikasi, proses, dan hasil penelitian*. (1<sup>st</sup> ed.). Malang : Literasi Nusantara,

- Hasbullah M. D., Ahmad Yussuf, & Fakhru Adabi A. K., (2020). Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal Of Social Sciences And Humanities*. 17 (9), 75-89.
- Hasan Al-Banna M., Ab Mumin Ab G., & Siti Arni B. (2011). Pemantapan Sistem Pengurusan Islam Berkualiti Melalui Konsep Tawhidi, Budaya Itqaan Dan Nilai Ihsan. *World Congress on Islamic Systems 2011 (World-ISLAM 2011)*.
- Khatijah M. K., Nor Adina, & Khairul Anuar, (2011). Relevansi Pemikiran Ibnu Khaldun Terhadap Kemahiran Insaniah Di Dalam Pengurusan Pembangunan Modal Insan. *Jurnal usuluddin*, 34, 21-46. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/articel/view/7434>
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi. (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi*. UPM Serdang Selangor.
- Mashitah S., Marina Munira A. M., Roslizawati M. R., W. & Mohd Fazrul Azdi W. R., (2011), Agama Sebagai Faktor Pelestarian Pembangunan Mapan: Nilainya Dari Perspektif Kehidupan Belia Masa Kini. *World congress For Islamic History & Civilization: Human Development: 10-11th October 2011; Department of Islamic History & Civilization Academy of Islamic Studies University of Malay*. Pg 1-23.
- Muslihah M., S. Nur Afiah S., & Noor Azizah J. (2020) Pengamalan Hisbah Dalam Pengurusan Disiplin Pelajar, *Jurnal Maw'izah*, v.3(2020), 77-83.
- Muslihah M., S. Nur Afiah S., & Azrin Ibrahim. (2021). Keperluan Hisbah Dalam Pemeliharaan Kredibiliti Pensyarah Di Institut Pengajian Tinggi, *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39). 211-220.
- Mardzelah M., Nor Hasimah I., Sawan, Hasanah M. S., & Mohamad Fadhli I. (2021). Kecerdasan Hisbah Sosial Dan Kemenjadian Murid Sekolah Menengah. *International Journal of Education Psychology and Counseling*. 6(42). 188-203.
- Mohamad Khairi H. O., & Fazira R. (2023). Hubungan Antara Penghayatan Akhlak Dengan Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah. *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*. 8(50). 522-536.
- DOI 10.35631/IJEPC.850037, [www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)
- Muslihah M., Noor Azizah J. & Azrin I. (2023). Hisbah Terhadap Penilaian Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Pensyarah: Satu Sorotan. *Jurnal 'Ulwan*. Jilid 8 (Bil.3) 2023: 373-380. eISSN: 2600-7843
- Mashitoh Y., Che Sulaila C. H., Rosilawati M. H., Mohd Yusof H. O., Abdul Latif S., Mohd Al Adib S., Khairul Anwar M., Ab Halim T., & Mohd Farid Ravi A. (2021). Isu Revolusi Industri 4.0: Perubahan Nilai Masyarakat Dan Cabara. *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (ICoMM 2021)*. e-ISSN: 2756-8938.
- Muhammad Syahir G. & Noor Azean A. (2014). Pembentukan Kemahiran Insaniah Pelajar Menerusi Pembelajaran Teradun Dalam Persekitaran E-Autentik Bervisual. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014*, 11-13 Ogos 2014. [http://eprints.utm.my/61245/1/NoorAzeanAtan2014\\_PembentukanKemahiranInsaniahPelajarmenerusiPembelajaranTeradun.pdf](http://eprints.utm.my/61245/1/NoorAzeanAtan2014_PembentukanKemahiranInsaniahPelajarmenerusiPembelajaranTeradun.pdf)
- Nurlinda A., Siti Fatimatuz Z. H., & Nur Afiah H. (2021). Penguasaan Kemahiran Insaniah Pembelajaran Dalam Talian Bagi Kursus Kokurikulum Di Politeknik Metro Johor Bahru. *Jurnal Kejuruteraan Teknologi dan Sains Sosial*. 7(2), Special Issue NASCO 2021 (3<sup>rd</sup> National Conference in Sports & Co-Curriculum @ PMJB).
- Nik Safiah Nik Ismai. (2010). *Soft skill: the what, the way, the how*. (2<sup>nd</sup> ed.). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Nurul Haidah S., Muhammad Ilham A. Z., Muhammad Athif A. S., Mohamad Izzuan M. I. (2020). Amalan Kemahiran Penyesuaian dalam Kalangan Pelajar Universiti.

Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Science dan Humanities*. (MJSSH). 5(7). pp. 76 -81.

DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i7.436>

- Ros Arniza Z., Mohd Isa Hamzah, & Khadijah A. R., (2021). Analisis Faktor Hisbah Sosial Terhadap Penghayatan Akhlak Murid Muslim Sekolah Menengah: Aplikasi Fuzzy Delphi Method. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* (ACER-J). 4(2) 45-69.
- Rahimin A., Lazim, Nor Adina, Nor Hayati. (2009). Kemahiran Insaniah Di Ipta Islam Malaysia Dan Indonesia: Satu Analisis Perbandingan. *Journal Of Southeast Asian studies* (JATI). 14 (1), 53-61.
- Rahazimah I., & Abdul Razaq A. (2018). Pengukuhan Kemahiran Insaniah Pelajar Tahun Akhir Di Ipts: Cabaran Menempuhi Alam Kerjaya *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018 | 5 Julai 2018 )*, Auditorium Utama, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 155-164.
- Ruslan Hassan, Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2020). Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 21 (2020): 126–141. <https://doi.org/10.17576/malim-2020-2101-10>
- Siti Kausar Z., & M. Noor Daud. (2020). Kemahiran Insaniah Pelajar Ipta Merentas Jantina. *International Journal of Education and Pedagogy*. 2(4), 16-38.
- Siti Kausar Z., Ruslin A., Norzaini A., & Mohd Noor Daud. (2017). Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar Pengajian Islam. *Ulum Islamiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences*. 19 (special issue 01-2017), 89-108.
- Siti Umiyati M., & Ahmad Marzuki M. (2021). Pendekatan Pendidikan Akidah Islamiah Ke arah Pembentukan Sahsiah Pelajar, *Proceeding International Seminar on Islamic Education and Peace*. V.1, ISSN 2829-047X.
- Siti Kausar Zakaria & Mohd Noor Daud. (2021) Penjanaan Kemahiran Insaniah Melalui Gaya Pembelajaran dan Kecerdasan Pelbagai. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 3, No. 4, 65-76, 2021. e-ISSN: 2682-826X | DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2021.3.4>.